

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### PROGRAM IQRA' TH SUMBANG RM5 JUTA DANA ZAKAT BANTU PELAJAR ASNAF

**KUALA LUMPUR, 12 NOVEMBER 2019** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Program Iqra' **TH** tahun 2019 kepada para pelajar berstatus asnaf yang sedang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Program ACCA (Association of Chartered Certified Accountants). Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** bertempat di Menara **TH** Tun Razak, Kuala Lumpur.

Bagi Program Iqra' **TH** tahun ini, **TH** telah bekerjasama dengan Pusat Zakat dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti untuk menyerahkan sumbangan keseluruhan sebanyak **RM4,500,000.00** kepada enam (6) buah IPTA terpilih sekitar kawasan Lembah Klang untuk manfaat lebih daripada **2,200** pelajar asnaf.

**TH** juga julung-julung kalinya bekerjasama dengan MyPac (Malaysia Professional Accountancy Centre) dengan memberikan penajaan kepada 10 orang pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda yang berstatus asnaf untuk menjalani Program ACCA sepenuh masa dan separuh masa. **TH** memperuntukkan sebanyak **RM454,032.90** bagi program ini yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan Akauntan Profesional Bumiputera (BPA) Islam yang mempunyai kelayakan perakaunan professional.

“Objektif utama Program Iqra’ **TH** adalah memberikan bantuan pendidikan bagi menampung perbelanjaan pengajian pelajar asnaf daripada keluarga B40 untuk membayar yuran pengajian, pembiayaan asrama, dewan makan, kos sara diri dan perbelanjaan diri masing-masing. **TH** mengambil inisiatif ini dengan bekerjasama dengan beberapa buah universiti tempatan dan MyPAC bagi meringankan beban para pelajar asnaf yang berpotensi pada masa hadapan,” kata Tuan Haji Nik Mohd Hasyudeen Yusoff.

Program Iqra’ **TH** adalah salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) **TH** dalam membentuk modal insan ke arah berpendidikan tinggi dan memberi peluang golongan asnaf meneruskan pendidikan ke peringkat profesional. Sejak 2012, lebih 30,000 pelajar asnaf mendapat manfaat daripada program ini dengan peruntukan sebanyak RM16 juta. Program Iqra’ **TH** pada mulanya tertumpu kepada pelajar sekolah rendah dan pada tahun ini **TH** telah meluaskan sasarannya kepada pelajar asnaf yang mengikuti pengajian di peringkat tertiari di sekitar Lembah Klang.

**TH** komited dalam menjalankan program-program CSR bagi membantu golongan sasar khususnya golongan asnaf, dalam pembangunan ummah yang lestari serta mengukuhkan imej **TH** sebagai institusi Islam yang dihormati kerana pencapaian dan tadbir urus yang baik. Antara program-program CSR lain termasuklah Program Ikhtiar, Mobiliti dan Ihsan.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Tuan Haji Hizamuddin Jamalluddin, Ketua Pegawai Strategi dan Ketua Staf **TH**; wakil-wakil pengurusan universiti terpilih, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah MyPac (Malaysia Professional Accountancy Centre) serta anggota **TH**.

-Tamat-

Rujuk Lampiran 1 dan 2 bagi senarai penerima sumbangan

## **LEMBAGA TABUNG HAJI**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<b>Affan Aimaduddin Azami</b> Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan <b>TH</b> 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	<b>Hamzil Mohamadan</b> Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan <b>TH</b> 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2582 Tel. Bimbit: 012 3102101 Faks: 03 2164 0436 Emel: hamzil@lth.gov.my
--	--

**LAMPIRAN 1****SENARAI PENERIMA PROGRAM IQRA' TH (IPTA)**

No.	Universiti	Anggaran pelajar	Jenis Bantuan	Peruntukan
1.	<b>UPM</b>	<b>482</b> pelajar Asnaf (Miskin & Fisabilillah)	Bantuan Sara Hidup	<b>RM750,000.00</b>
2.	<b>USIM</b>	<b>400</b> pelajar asnaf Sarjana Muda (Asnaf Fakir Sahaja)	i. Yuran Pengajian ii. Bantuan Sara Hidup iii. Baucar Buku	<b>RM750,000.00</b>
3.	<b>UKM</b>	<b>301</b> pelajar asnaf Sarjana Muda (Fakir & Miskin Sahaja)	Bantuan Sara Hidup	<b>RM750,000.00</b>
4.	<b>UIA</b>	<b>202</b> pelajar asnaf Sarjana Muda (Asnaf & Anak Yatim)	Bantuan Sara Hidup	<b>RM750,000.00</b>
5.	<b>UM</b>	<b>503</b> pelajar asnaf Sarjana Muda Asnaf (Fi Sabiliilah)	Bantuan Sara Hidup	<b>RM750,000.00</b>
6.	<b>UiTM</b>	<b>313</b> pelajar asnaf Sarjana Muda (Asnaf Fakir Sahaja)	Bantuan Sara Hidup	<b>RM750,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>RM4,500.000.00</b>		

**LAMPIRAN 2****SENARAI PENERIMA PROGRAM IQRA' TH (MyPAC)**

BUTIRAN CALON			AKADEMIK	SUMBANGAN
BIL	NAMA	NEGERI	UNIVERSITI	JUMLAH
1	Izzah Nadzirah Binti Zulkifli	Terengganu	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	<b>RM54,484.38</b>
2	Azrina Binti Adnan	Perlis	Universiti Teknologi Mara	<b>RM54,484.38</b>
3	Aimi Zahrah Sa'adullah	Kelantan	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	<b>RM54,484.38</b>
4	Khairun Nadiah Binti Abdul Jamil	Perak	Universiti Kuala Lumpur Business School	<b>RM54,484.38</b>
5	Nurul Shuhada Binti Jaafar	Kedah	Universiti Putra Malaysia	<b>RM54,484.38</b>
6	5 Pelajar Asnaf Separuh Masa (RM 35,965.14 seorang)			<b>RM179,825.71</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>RM454,032.90</b>